

50 PERINGATAN BUAT Keluarga & Masyarakat TREND CULIK ANAK

Entah kenapa sejak kebelakangan ini, banyak berlaku kes culik melibatkan kanak-kanak sehingga membuatkan kebanyakan ibu bapa merasa sangat bimbang. Tidak ada sesiapa pun yang boleh menduga insiden malang ini boleh menimpa diri dan keluarga. Jadi, eloklah kiranya kita sebagai ibu bapa dan anggota masyarakat memainkan peranan diri dalam meningkatkan kesedaran tentang perihal keselamatan. Sungguh tidak dapat dibayangkan bagaimana sedih dan pilunya hati keluarga mangsa yang terlibat.

Oleh itu, tindakan berjaga-jaga semua pihak terutama ibu bapa adalah penting bagi menyelamatkan nyawa kanak-kanak dari suasana yang boleh membawa kepada kejadian bunuh, culik, kemalangan, peras ugut, rogol, buli dan sebagainya.

Menurut Prof Madya Dr Jessica Ong Hai Liew dari Jabatan Kenegaraan, Kepimpinan dan Ketamadunan, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan Universiti Pertahanan Nasional berkata kes penculikan kanak-kanak dan kes buli semakin berleluasa kerana dunia yang serba canggih dengan teknologi terkini menjadi salah satu sebab yang memudahkan kes-kes penculikan khususnya.

"Tidak dinafikan kes penculikan boleh berlaku apabila terlalu banyak pendedahan maklumat peribadi tanpa sempadan menyebabkan maklumat individu disebar dengan mudah kepada penculik. Facebook, Instagram, Wechat dan pelbagai aplikasi memaparkan aktiviti-aktiviti yang dilakukan setiap hari mengundang kepada bahaya kita. Perlindungan maklumat amat penting pada hari ini dan perlu diperluaskan pendidikannya. Contohnya permainan seperti Pokemon Go juga sebagai faktor kebocoran maklumat peribadi apabila pemain

terpaksa mendedahkan data peribadi kerana mendaftar masuk menggunakan akaun Google," ujar Prof Madya Dr Jessica memulakan bicara.

Selain itu, media massa perlu mendukung kewajipan untuk mencelikan masyarakat kita supaya peka terhadap isu ini. Media massa terutamanya media elektronik dan media cetak mempunyai pengaruh yang kuat sekali terhadap masyarakat. Dalam situasi ini, pihak televisyen dan akhbar perlu menyiarkan rencana atau rancangan yang berkaitan supaya masyarakat dapat mengelakkan kanak-kanak daripada terdedah kepada kejadian yang tidak diingini seterusnya menjadi mangsa penculikan, rogol, buli dan sebagainya.

Siaran daripada media massa dapat segera memancing perhatian dan kerjasama daripada masyarakat untuk menghulurkan bantuan bersama-sama demi menyelamatkan kanak-kanak yang hilang, diculik, dibuli atau dirogol. Pada masa yang sama, media elektronik patut menyekat rancangan ganas yang dapat mempengaruhi orang ramai. Bahan lucah yang berkaitan dengan seksual kanak-kanak harus dilarang sama sekali sama ada dalam cakera padat digital cetak rompak ataupun dalam internet.

Adegan keganasan ini mudah ditiru oleh bukan sahaja kanak-kanak malah orang dewasa juga. Senarainya, unsur keganasan akan diterjemahkan terhadap kanak-kanak yang tidak berdosa. Natijahnya, media massa perlu memainkan peranan dengan menghalang dan menyekat mahupun menapis rancangan yang berunsur ganas dan berusaha menginsafkan masyarakat kita untuk menyelamatkan kanak-kanak kita daripada menjadi mangsa keganasan manusia yang bertopengkan binatang.

Media massa turut memainkan peranan sebagai agen penyebar perkara yang boleh dijadikan tauladan atau sebaliknya. Terdapat peribagai unsur keganasan yang dipaparkan di kaca televisyen menyebabkan remaja terikut-ikut dengan role model pelakon tersebut. Perkara-perkara ini boleh dijadikan antara penyebab keganasan di kalangan remaja berlaku," ujarnya lagi.

Tambah Prof Madya lagi, tanggungjawab ibu bapa untuk memerhati tingkah laku anak dan pergaulan anak-anak penting untuk



Prof Madya Dr Jessica Ong Hai Liew

membentuk sahsiah diri anak-anak terutamanya golongan remaja.

"Media massa yang menular dengan tempas kecanggihan teknologi terkini memang sukar dibendung tetapi pengawalan boleh dilakukan dengan menghadkan penglibatan anak-anaknya bersendirian di hadapan komputer, laman web yang dilayari supaya tidak terpesong dengan ajaran-ajaran sesat. Aktiviti-aktiviti bersama keluarga perlu dirancang lebih kerap untuk menggunakan masa dengan berkualiti," ujar Prof Madya lanjut.

"Masyarakat sekeliling turut memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan kanak-kanak dari pelbagai anasir yang buruk. Sentiasa ingat-mengingati sama ada jiran tetangga mahupun kawan. Ini bukan isu menyibuk hal orang tetapi peranan kita untuk mengambil tahu serba sedikit siapa jiran kita dan juga jika kita juga harus bersikap terbuka dan dapat menerima teguran sesiapa jika itu untuk kebaikan bersama. Contohnya, jika anak-anak ditegur oleh jiran atau guru, kita harus mengambinya secara positif. Masyarakat setempat juga membantu mengawal kes-kes penculikan dengan mengetatkan langkah keselamatan."

"Selain itu, program-program badan bukan kerajaan perlu diperbanyak untuk merapatkan silaturrahim di antara manusia dengan nilai-nilai agama dan nilai-nilai murni. Kita tidak mahu satu hari nanti teknologi yang mengawal kita sepenuhnya," ujar Prof Madya Dr Jessica lanjut.

Masyarakat perlu sentiasa peka akan apa yang berlaku disekeliling mereka. Jika ada sesuatu yang disyaki, sepatutnya bergegas melihat dan menghalang daripada hanya mampu melihat dari jauh. Janganlah kita berdiam diri hanya untuk kepentingan diri sendiri. Ingatlah bahawa nyawa seorang kanak-kanak itu sangat berharga untuk menjamin masa depan negara kita kelak. k

Crime - General

pg 82-83

84-85

86-87